

UPSI, Kerajaan Perak perkukuh kerjasama, semarak penganjuran Kejohanan Golf UA Malaysia

Tanjong Malim, 19 Ogos - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Kerajaan Negeri Perak berhasrat memperkukuh kerjasama strategik dalam pelbagai bidang, termasuk menerusi penganjuran program yang melibatkan universiti awam (UA) di seluruh negara. Perkara itu dibincangkan dalam kunjungan hormat Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff kepada Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, di Pejabat Menteri Besar Perak, di sini, baru-baru ini.

Saarani berkata, pertemuan berkenaan membuka ruang kepada kedua-dua pihak untuk bertukar pandangan serta mengenal pasti peluang kerjasama yang boleh diperkukuh antara UPSI dengan Kerajaan Negeri Perak.

"Dalam hal lain, UPSI turut akan menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Golf Universiti Awam Malaysia Kali Ke-53 yang akan berlangsung pada 19 hingga 21 Oktober 2026 di Kelab Golf Kinta, Kelab Golf Meru dan Kelab Golf DiRaja Perak. "UPSI juga menyatakan hasrat untuk berkolaborasi dengan Kerajaan Negeri dalam menjayakan penganjuran kejohanan ini," katanya menerusi kenyataan hari ini. Menurut Saarani, penganjuran kejohanan berkenaan bukan sahaja menjadi platform menghimpunkan warga UA dari seluruh negara, malah berpotensi memperkenalkan Perak sebagai destinasi yang mempunyai pelbagai tarikan kepada komuniti universiti. "Saya doakan semoga kejohanan ini dapat berlangsung dengan jayanya dan pada masa yang sama memperkenalkan lagi Perak kepada warga universiti dari seluruh negara," katanya.

Sementara itu, Md Amin berkata, kunjungan tersebut turut menjadi ruang untuk UPSI berkongsi perancangan program yang bakal dilaksanakan bersama Kerajaan Negeri Perak di Ipoh dengan melibatkan UA di seluruh Malaysia. Beliau berkata, perkembangan, rekod dan pencapaian terkini UPSI turut dikongsikan dalam pertemuan berkenaan sebagai gambaran usaha berterusan universiti dalam memperkasakan pendidikan, pembangunan bakat serta sumbangan kepada masyarakat. "Semoga segala yang dibincangkan ini dapat direalisasikan dengan jayanya dan menjadi pemangkin kepada pembangunan serta peningkatan ekonomi, khususnya di bumi Perak yang kita cintai," katanya. Kejohanan Golf Universiti Awam Malaysia Kali Ke-53 dijadual menghimpunkan warga UA dari seluruh negara dan akan berlangsung di tiga lokasi golf utama di Perak pada Oktober ini. Kerjasama UPSI dan Kerajaan Negeri Perak menerusi penganjuran berkenaan dijangka turut membuka ruang kepada pengukuhan jaringan antara institusi pendidikan tinggi dengan kerajaan negeri, selain memberi nilai tambah kepada usaha mempromosikan Perak sebagai destinasi penganjuran acara berskala nasional.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



30 pasukan UPSI bawa amanah ke SUKIPT 2026

Kuala Lumpur, 27 Ogos - Sebanyak 30 pasukan sukan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bakal menggalas cabaran dan membawa nama universiti pada temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2026. Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff, menyerahkan bendera universiti kepada wakil pasukan yang akan bertanding dalam temasya berkenaan sebagai simbol amanah, maruah dan harapan seluruh warga UPSI.

Beliau berkata, bendera itu bukan sekadar lambang universiti, sebaliknya membawa bersama doa serta harapan agar setiap atlet memberikan persembahan terbaik dalam pertandingan.

“Berjuanglah dengan penuh keberanian, disiplin dan semangat kesukanan. Bawalah nama UPSI dengan bangga dan angkatlah bendera ini setinggi mungkin,” katanya.

UPSI Angkat Suara Warisan dalam Pameran “Jiwa Merdeka”

Kuala Lumpur, 28 Ogos - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerusi Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif (FSKIK) menyertai Pameran Jiwa Merdeka bertemakan “Heritage Voices: Living Traditions” yang berlangsung dari 28 hingga 31 Ogos 2026 di Ombak, Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).

Pameran ini turut menghimpunkan penyertaan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Malaysian Institute of Art (MIA) dalam sebuah platform yang mengetengahkan warisan budaya Malaysia melalui pendekatan seni kontemporari. UPSI diberi ruang sebagai pempamer dalam pameran tersebut, sekali gus membuka peluang kepada institusi untuk

Menurut beliau, para atlet juga diingatkan supaya menjunjung semangat kesukanan dengan menerima kemenangan secara rendah hati dan kekalahan dengan penuh bermaruah.

“Menanglah dengan rendah hati, tewaslah dengan bermaruah dan jangan pernah berhenti berjuang.

“Pergilah sebagai pejuang, bertandinglah dengan jiwa dan pulanglah membawa kebanggaan untuk UPSI,” katanya.

Beliau turut mendoakan agar semua pasukan diberikan kekuatan, ketenangan serta kejayaan sepanjang saingan SUKIPT 2026.

SUKIPT merupakan temasya sukan yang menghimpunkan institusi pendidikan tinggi dari seluruh negara bagi mempertandingkan pelbagai acara sukan.

mengetengahkan perspektif seni, warisan dan kreativiti kontemporari kepada khalayak yang lebih luas. Bagi memastikan penglibatan fakulti berjalan lancar, beberapa warga FSKIK dilantik sebagai ahli jawatankuasa pameran.

Dr. Junior Kimwah selaku Pengarah Pelaksanaan Pameran Jiwa Merdeka, di bawah penasihat Dekan FSKIK, Prof. Dr. Mohd Fauzi bin Sedon @ Mat Dom dan Dr. Jalaini Abu Hassan. Turut menyokong pelaksanaan pameran tersebut ialah barisan jawatankuasa kerja yang terdiri daripada Dr. Jamilah Omar, Dr. Izzal Khairi Ramli, Dr. Rosyida Mohd Rozlan, Ts. Dr. Norhayati Ayob, Encik Jamaluddin bin Ariffin, Encik Amirul Asraf Ismail, Dr. Nur Syuhada Mat Sin dan Encik Hasrizal Haron.



Sabri Yunus, Ahmad Fedtri sambung pengajian di UPSI

Tanjong Malim, 26 Ogos - Hasrat pelakon dan pengaruh terkenal, Mohd Sabri Yunus, untuk kembali ke bangku pengajian selepas lebih empat dekad akhirnya tercapai apabila beliau menerima surat tawaran Program Sarjana Pendidikan Kesusasteraan Melayu melalui laluan Accreditation of Prior Experiential Learning for Award of Qualifications (APEL.Q) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Turut menerima surat tawaran ialah personaliti televisyen dan pengacara, Ahmad Fedtri Yahya, bagi mengikuti Program Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu melalui laluan yang sama. Kedua-duanya menjadi pelajar rintis bagi program yang dibangunkan oleh Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI.

Sabri, 65, berkata peluang itu amat bermakna selepas dua percubaannya untuk menyambung pengajian di universiti sebelum ini tidak kesampaian, masing-masing ketika beliau berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 1980-an dan awal 1990-an.

“Saya sebenarnya telah dua kali berusaha untuk menjadi pelajar di universiti semenjak saya masuk ke Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1982 sebagai

pelukis, namun hasrat itu tidak kesampaian kerana kekangan untuk meninggalkan pekerjaan,” katanya pada program Executive Talk 6.0 Keselamatan Siber di Dewan SITC, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, semalam.

Beliau berkata, meskipun gagal menyambung pengajian secara formal, proses menimba ilmu tidak pernah terhenti kerana menganggap setiap individu yang ditemuinya sebagai guru yang boleh memberikan manfaat dan pengalaman.

Sabri berkata, menerusi pengajian APEL.Q, beliau mahu menjalankan kajian mengenai pantun khusus dalam Dikir Barat, termasuk menjelaskan fungsi dan makna sebenar istilah ‘Tukang Karut’ yang sering disalahfahami oleh masyarakat.

“Saya nak teruskan pembelajaran saya dan yang nak saya bawa adalah kajian saya tentang Pantun Khusus dalam Dikir Barat. Pantun dalam Dikir Barat berbeza dengan pantun biasa kerana ia mempunyai beberapa elemen yang tersendiri,” katanya. Sementara itu, Fedtri, 45, berkata beliau teruja menjadi warga UPSI dan memilih bidang Bahasa Melayu kerana percaya cara seseorang menggunakan bahasa

mempunyai kaitan rapat dengan tahap tamadun serta keilmuan masyarakat.

“Saya tidak pernah menjangkakan untuk berada di kampus UPSI yang indah dan bersejarah ini. Kali ini bergelar sebagai siswa, saya bersama Abang Sabri Yunus telah memulakan APEL.Q dan saya fokus kepada bidang bahasa,” katanya.

Beliau berkata, usaha memartabatkan bahasa Melayu perlu diperkasakan, khususnya dalam kalangan generasi muda yang kini berdepan dengan perubahan gaya komunikasi akibat pengaruh media sosial dan teknologi digital.

Fedtri turut mahu memanfaatkan peluang berada di UPSI untuk menggali dan mendokumentasikan khazanah bahasa serta pantun yang masih tersimpan dalam kalangan masyarakat supaya warisan tersebut dapat dipelihara dan dipersembahkan dalam bentuk yang lebih ilmiah.

Dalam pada itu, Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff, berkata kehadiran Sabri dan Fedtri sebagai warga universiti memberi peluang kepada warga UPSI untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam bidang seni, bahasa serta budaya.

